

Tidak pernah kecewa dan berdendam rasa 059

Ghafar paling taat—PM

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

JITRA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Encik Ghafar Baba sebagai pemimpin paling taat kepada Umno, hingga mendorongnya melantik Naib Presiden Umno itu menjadi Timbalan Perdana Menteri, ketika berlaku kekosongan.

"Ketaatannya kepada Umno terbukti ketika dalam atau luar kerajaan. Beliau tidak pernah kecewa atau berkecil hati terhadap apa sahaja yang berlaku ke atas dirinya. Sebaliknya, beliau terus memberi sokongan kepada perjuangan dan pemimpin Umno," kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, berkata sifat Encik Ghafar berbeza dengan beberapa pemimpin lain yang sanggup merosakkan parti kerana kepentingan diri setelah dikuasai oleh nafsu.

"Orang seperti ini, jika diterima sebagai pemimpin, akan merosakkan parti.

"Encik Ghafar tidak pernah berdendam atau cuba menjatuhkan bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn kerana tidak melantiknya sebagai Timbalan Perdana Menteri. Malah, beliau juga tidak memusuhi saya yang mengambil tempatnya," kata Perdana Menteri ketika merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di sini, hari ini.

Sukar ditandingi

"Encik Ghafar tidak pernah mengecam, jauh sekali untuk mengancam, meskipun ketika itu beliau dianggap orang yang paling layak berbuat sesuatu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau juga memilih Encik Ghafar sebagai timbalannya kerana pengalamannya yang luas. Encik Ghafar pernah menjadi Ketua Menteri Melaka dan kemudian dilantik sebagai Menteri Kerajaan Pusat sekian lama, sebelum mengundurkan diri.

Beliau juga ialah Naib Presiden yang paling lama. Sehingga ini, beliau memegang jawatan itu selama 25 tahun, satu rekod yang sukar ditandingi oleh pemimpin lain.

"Ketika di luar kerajaan, Encik Ghafar bertanding jawatan Naib Presiden atas namanya sendiri, tanpa sebarang jawatan yang dipegangnya. Ahli-ahli Umno menerimanya," katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, meskipun Encik Ghafar dianggap orang yang akan mengancam ketika itu, sebaliknya beliau terus menyokong Tun Hussein Onn dan tidak pernah cuba menjatuhkan sesiapapun.

"Encik Ghafar mengundurkan diri secara terhormat tanpa mencaci pemimpin atau melakukan sesuatu yang boleh merosakkan Umno," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, beliau tidak pernah menceritakan mengenai Encik Ghafar sebelum ini kerana tidak mahu menyinggung perasaan orang lain.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Biasanya, orang yang tidak dipilih untuk sesuatu jawatan pasti kecewa atau tidak mengambil peduli hal Umno. Tetapi, ini tidak kepada Encik Ghafar. Inilah semangat ketaatannya kepada Umno.

"Encik Ghafar tidak pernah mengecam saya ketika saya menjadi Timbalan Perdana Menteri atau Perdana Menteri," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, ketika mula menjadi Perdana Menteri, beliau pernah menawarkan jawatan menteri kepada Encik Ghafar, tetapi beliau (Encik Ghafar) tidak dapat menerimanya kerana masalah tertentu.

"Ketika saya menawarkan jawatan Timbalan Perdana Menteri kepadanya, Encik Ghafar menerimanya tanpa meletakkan syarat. Beliau sanggup menerima beban yang akan dipikulnya," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, Encik Ghafar juga ialah seorang pemimpin Umno yang bekerja kuat walaupun ketika di luar kerajaan.

"Dalam setiap pilihanraya, beliau bertungkus lumus memastikan kemenangan Umno. Saya tahu kerana beliau juga ialah salah seorang anggota Biro Politik Umno," katanya.